Anggaran dan andaian yang digunakan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh semasa anggaran itu disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semasa semakan dan tempoh masa hadapan jika semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa hadapan.

d) Pertimbangan dan Anggaran Perakaunan (Sambungan)

i) Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Aset Ketara dan Aset Tak Ketara

Semua aset ketara dan aset tak ketara disusutnilaikan dan dilunaskan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susutnilai dan pelunasan aset pada masa hadapan akan disemak semula.

ii) Elaun Hutang Ragu

MPM menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif hutang ragu, MPM menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar siberhutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti potensi hutang tak mampu dibayar, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit serupa.

e) Piawaian Belum Berkuatkuasa dan Digunapakai Awal

Tiada piawaian perakaunan yang belum berkuatkuasa dan tidak digunapakai awal oleh MPM di dalam tahun kewangan semasa.

2.2 Aset

Aset ialah sumber yang dikawal oleh entiti akibat peristiwa lampau dan daripadanya manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir kepada entiti itu. Sesuatu item diiktiraf sebagai aset dalam penyata kewangan jika aset itu memenuhi takrifan bagi aset dan nilai aset tersebut boleh diukur dengan pasti.

i) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Penyata Aliran Tunai telah disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank serta pelaburan berkecairan tinggi dengan bank berlesen dan institusi kewangan yang mempunyai tempoh matang dua belas bulan atau kurang yang disedia tukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

ii) Akaun Belum Terima (Urusniaga Pertukaran)

Akaun Belum Terima (Urusniaga Pertukaran) diiktiraf apabila barang dipindahkan, perkhidmatan dilaksanakan dan apabila invois dikeluarkan.

Nilai Akaun Belum Terima (Urusniaga Pertukaran) pada mulanya diukur pada amaun urus niaga (nilai saksama pertimbangan - *fair value of consideration*) dan kemudiannya pada kos terlunas tolak kerugian penjejasan nilai.

iii) Aset Kewangan Lain

Aset Kewangan Lain terdiri daripada Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Lebihan atau Kurangan (dipegang untuk perdagangan), Pelaburan Dipegang Hingga Matang dan Aset Kewangan Sedia Untuk Dijual;

iii) Aset Kewangan Lain (Sambungan)

- a) Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Lebihan atau kurangan (dipegang untuk perdagangan) pada mulanya diukur pada nilai saksama dan kemudiannya diukur pada nilai saksama dengan perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.
- b) Pelaburan Dipegang Hingga Matang pada mulanya diukur pada nilai saksama ditambah kos urus niaga dan kemudiannya diukur pada kos terlunas tolak kerugian penjejasan nilai.
- c) Aset Kewangan Sedia Untuk Dijual pada mulanya diukur pada nilai saksama ditambah kos urus niaga dan kemudiannya diukur seperti yang berikut:
 - i) Nilai saksama; atau
 - ii) Kos ditolak amaun penjejasan nilai (hanya untuk pelaburan dalam instrumen ekuiti yang tidak mempunyai sebut harga pasaran dalam pasaran aktif dan dengan nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan betul;
 - iii) Mengiktiraf semua perubahan terkumpul pada nilai saksama dalam komponen berasingan bagi aset bersih/ekuiti sehingga penyahiktirafan atau penjejasan nilai berikutnya, apabila entiti itu akan memindahkan keuntungan atau kerugian terkumpul kepada penyata prestasi kewangan.

MPM akan menyahiktiraf aset kewangan atau, jika berkenaan, sebahagian daripada aset kewangan atau sebahagian daripada sekumpulan aset kewangan apabila:

- a) Hak untuk menerima aliran tunai daripada aset telah luput atau dikecualikan;
- b) MPM telah memindahkan haknya untuk menerima aliran tunai daripada aset atau telah menerima obligasi untuk membayar aliran tunai yang diterima secara penuh tanpa kelewatan material kepada pihak ketiga; dan samada:
 - i) MPM telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran aset; atau
 - ii) MPM tidak memindahkan atau mengekalkan sebahagian besar risiko dan ganjaran aset, tetapi telah memindahkan kawalan aset tersebut.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa aset kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan diterima adalah diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh penyahiktirafan.

iv) Hartanah, Loji dan Peralatan

Had Nilai Permodalan

Had Nilai Minimum permodalan bagi Hartanah, Loji dan Peralatan adalah RM2,000 bagi setiap item, tertakluk kepada semakan semula dari semasa ke semasa.

Had Nilai Permodalan

Had Nilai Minimum permodalan bagi Hartanah, Loji dan Peralatan adalah RM2,000 bagi setiap item, tertakluk kepada semakan semula dari semasa ke semasa.

iv) Hartanah, Loji dan Peralatan (Sambungan)**Pengiktirafan dan Pengukuran Awal**

Hartanah, Loji dan Peralatan pada mulanya direkodkan pada harga kos bagi aset yang diperoleh melalui urus niaga pertukaran manakala bagi aset yang diperoleh melalui urus niaga bukan pertukaran, kos diukur pada nilai saksama pada tarikh perolehan.

Pengiktirafan dan Pengukuran Berikutnya

Hartanah, Loji dan Peralatan kemudiannya diukur menggunakan model kos, yang mana nilai bawaan aset adalah pada harga kos, ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian penjejasan nilai terkumpul.

Aset Dalam Pembinaan

Aset Dalam Pembinaan adalah aset yang sedang dibina dan belum digunakan untuk tujuan yang dikehendaki. Aset Dalam Pembinaan tidak disusut nilai semasa tempoh pembinaan. Apabila aset sedia untuk digunakan, Aset Dalam Pembinaan akan dikelaskan semula kepada kategori Hartanah, Loji dan Peralatan yang bersesuaian dan dicaj susut nilai.

Susut Nilai

Kaedah garis lurus digunakan untuk menghapuskira kos hartanah, loji dan peralatan mengikut kadar anggaran guna hayat bagi setiap bahagian hartanah, loji dan peralatan. Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas maka nilai sisa, kaedah susutnilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai akan disemak semula dan dilaraskan secara prospektif. Usia guna hartanah, loji dan peralatan adalah seperti berikut:

KATEGORI	USIA GUNA (TAHUN)
Bangunan	
Bangunan Pejabat	50
Lain-lain Bangunan	25
Jentera dan Peralatan	
Peralatan Perkakas Pejabat	5
Perabot	5
Peralatan dan Perkakas ICT	5
Peralatan dan Perkakas Komunikasi	5
Peralatan dan Perkakas Sekuriti	5
Kenderaan	
Kereta	5
Motosikal	5

Pelupusan

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan aset Hartanah, Loji dan Peralatan diiktiraf sebagai hasil/belanja dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh urus niaga berlaku.

iv) Hartanah, Loji dan Peralatan (Sambungan)

Penjelasan Nilai Aset Janaan Tunai

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, MPM mengkaji semula nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urusanniaga pasaran terkini akan diambilkira, jika ada. Jika tiada urusanniaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya.

Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf dalam tempoh terdahulu bagi sesuatu aset hendaklah dibalikkan jika, dan hanya jika terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun boleh pulih. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

Penjelasan Nilai Aset Janaan Bukan Tunai

MPM akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penajaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka MPM akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, MPM telah mengguna pakai pendekatan kos penggantian yang disusutnilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusutnilai. Kos penggantian yang disusutnilai akan diukur dengan mengambilkira kos penggantian aset ditolak susutnilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual mengikat atau pasaran aktif bagi aset, MPM menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

v) Aset Tak Ketara

Aset tak ketara MPM terdiri daripada lesen dan perisian teknologi maklumat. Ianya dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan penjejasan nilai terkumpul, jika ada. Kos ini termasuk kos yang ditanggung pada mulanya untuk memperoleh dan menyediakan sesuatu aset tak ketara bagi kegunaan yang dikehendaki. Jika sesuatu aset diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan.

Susut Nilai dan pelunasan

Kos Aset Tak Ketara dilunaskan berdasarkan kaedah garis lurus di sepanjang anggaran guna hayat selama 3 tahun.

Pelupusan

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan aset tak ketara diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh di mana urus niaga berlaku.

vi) Aset Lain

Aset Lain pada mulanya diukur pada nilai saksama ditambah kos urus niaga, dan kemudiannya diukur pada kos terhapus tolak kerugian penjejasan nilai.

vii) Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, MPM akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk:

- (i) kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;
- (ii) pembayaran tertunggak;
- (iii) kemungkinan bahawa peminjam akan mufli; atau
- (iv) data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai masa depan.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam MPM yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dengan sertamerta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dengan sertamerta.

2.3 Liabiliti dan Peruntukan

Liabiliti ditakrifkan sebagai obligasi kini bagi MPM yang timbul daripada peristiwa lampau, dan penyelesaiannya dijangka akan mengakibatkan aliran keluar sumber yang merangkumi manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan daripada MPM.

Sesuatu item diiktiraf sebagai liabiliti dalam penyata kewangan MPM jika obligasi tersebut memenuhi takrifan bagi liabiliti dan amaun bagi penyelesaian liabiliti tersebut boleh diukur dengan pasti.

i) Akaun Belum Bayar dan Liabiliti Lain

Selepas pengiktirafan awal, belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau rosot nilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

ii) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf jika, MPM mempunyai obligasi secara sah dan konstruktif, dan yang boleh dianggarkan dengan pasti disebabkan peristiwa yang telah berlaku dan terdapat kemungkinan akan mengakibatkan aliran keluar sumber-sumber ekonomi untuk menyelesaikan obligasi.

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang nyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2.4 Dana

Dana MPM terdiri daripada Kumpulan Wang Majlis Perubatan Malaysia seperti tertakluk kepada Akta A1443 Akta Perubatan (Pindaan) 2012 Kumpulan Wang Majlis Perubatan Malaysia 4H(1).

2.5 Hasil

Hasil terdiri daripada Hasil Daripada Urus Niaga Pertukaran dan Hasil Daripada Bukan urus Niaga Pertukaran seperti berikut:

Hasil Daripada Urus Niaga Pertukaran

- a) Hasil lesen, terimaan pendaftaran dan permit diiktiraf pada masa lesen, terimaan pendaftaran dan permit dikeluarkan.

Hasil Daripada Urus Niaga Pertukaran (Saumbungan)

- b) Pendapatan perkhidmatan diiktiraf apabila perkhidmatan telah diberikan.
- c) Hasil keuntungan daripada simpanan tetap diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambil kira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut.
- d) Pendapatan lain diiktiraf apabila perkhidmatan tersebut telah diberikan.

Hasil Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Denda dan hukuman diiktiraf apabila hak penerimaannya telah dapat dipastikan.

Geran kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran mengurus diambilkira sebagai hasil di dalam penyata prestasi kewangan. Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan mengikut susutnilai projek yang telah siap, aset yang dibeli dan belanja pakai habis.

2.6 Transaksi Matawang Asing

Urusniaga dalam matawang asing dicatatkan dalam Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh urusniaga.

2.7 Maklumat Bajet

Belanjawan tahunan disediakan pada asas tunai. Oleh kerana penyata kewangan disediakan pada asas akruan, Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar adalah didedahkan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan mengikut asas yang sama seperti penyediaan bajet tahunan dan meliputi bajet operasi sahaja.

2.8 Pihak Berkaitan

MPM menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan kemampuan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas MPM, atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada ahli majlis.

2.9 Pajakan

Pajakan kewangan memindahkan, sebahagian besar risiko dan ganjaran yang berkaitan dengan pemilikan aset yang dipajak kepada MPM sebagai penerima pajak. Pengiktirafan awal untuk pajakan kewangan mengiktiraf aset dan liabiliti pada amaun terendah antara nilai saksama aset yang dipajak dan nilai kini bayaran pajakan minimum. Nilai yang dipermodalkan dilunaskan sepanjang tempoh MPM menjangka untuk menerima manfaat daripada pajakan tersebut.

Pajakan operasi, mengekalkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan pemberi pajak. Ia diiktiraf secara sistematik sepanjang tempoh pajakan. Penambahbaikan pegangan pajakan dipermodalkan dan kosnya dilunaskan sepanjang baki tempoh pajakan atau anggaran usia guna penambahbaikan dengan mengambil tempoh yang lebih pendek. Insentif pajakan yang diterima diiktirafkan dengan kadar sama rata ke atas jangka masa pajakan sebagai pengurangan belanja sewa.

2.10 Cukai

Aset dan liabiliti cukai pendapatan semasa dinilai pada amaun yang dijangka akan diperolehi atau dibayar kepada pihak berkuasa cukai (LHDN) menggunakan kadar cukai dan undang-undang yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal pada tarikh pelaporan di mana MPM beroperasi dan menjana pendapatan bercukai.

2.11 Manfaat Pekerja

Pendedahan maklumat pelan manfaat merupakan maklumat pelan manfaat selepas pekerjaan selain daripada pelan caruman yang ditetapkan. Obligasi MPM berkenaan dengan pelan persaraan manfaat tertakrif dikira berasingan bagi setiap pelan dengan menganggar jumlah manfaat masa depan yang diperolehi oleh pekerja sebagai balasan perkhidmatan mereka dalam tempoh semasa dan terdahulu.

a) Manfaat Jangka Pendek

Gaji, elaun, bantuan khas kewangan dan PERKESO adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana perkhidmatan berkaitan diberikan kepada pekerja MPM.

b) Pelan Persaraan Caruman Wajib

MPM mencarum di dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk pekerja yang memilih skim KWSP dan Kumpulan Wang Amanah Persaraan (KWAP) untuk pekerja yang memilih skim persaraan kerajaan. Caruman diambil kira dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh dimana ia berkait. Tanggungan MPM selesai setelah caruman dibayar.

Pengumpulan jangka panjang ganjaran ketidakhadiran seperti cuti tahunan berbayar akan diambil kira apabila perkhidmatan telah diberikan oleh pekerja yang mana telah meningkatkan hak mereka ke atas ganjaran ketidakhadiran di masa hadapan.

b) Pelan Persaraan Caruman Wajib (Sambungan)

Pengiraan gantian cuti rehat MPM dikira dengan menggunakan kaedah *projected unit credit* di mana ia melibatkan beberapa andaian seperti gaji akhir di grad jawatan tanpa mengambilkira kenaikan pangkat serta jumlah maksima GCR yang dikumpul dan baki tempoh perkhidmatan sebelum bersara. Pengiraan ini diperolehi selepas mendiskaunkan jumlah pembayaran GCR dengan menggunakan kadar diskaun tertentu.

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, MPM juga mengiktiraf bayaran pampasan bagi pekerja kontrak yang akan tamat pada dua tahun berikutnya sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan. Walau bagaimanapun, tiada bayaran pampasan yang diperuntukkan dalam tahun kewangan semasa kerana MPM telah menamatkan pelantikan pekerja kontrak.

3. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai dan Kesetaraan Tunai terdiri daripada:

	2022	2021
	RM	RM
		<i>(Seperti Dinyatakan Semula)</i>
Wang Tunai Di Bank	11,799,472	14,242,403
Wang Tunai Di Tangan	3,000	3,000
Simpanan Tetap Dengan Bank Berlesen	26,728,861	17,625,200
Jumlah Tunai Dan Kesetaraan Tunai	<u>38,531,333</u>	<u>31,870,603</u>

4. AKAUN BELUM TERIMA**i) Akaun Belum Terima daripada Hasil Urus Niaga Pertukaran**

Perincian Akaun Belum Terima daripada Hasil Urus Niaga Pertukaran adalah seperti berikut:

	2022	2021
	RM	RM
		<i>(Seperti Dinyatakan Semula)</i>
Penghutang Perniagaan	-	21,520
Faedah Simpanan Tetap Belum Terima	145,331	32,172
Pendahuluan Diri	1,896	1,136
Jumlah Akaun Belum Terima	<u>147,227</u>	<u>54,828</u>

Butiran pengumuman penghutang perniagaan adalah seperti berikut:

	2022	2021
	RM	RM
Tidak melebihi tempoh dan tidak terjejas	-	-
Melebihi tempoh dan tidak terjejas	-	21,520
	<u>-</u>	<u>21,520</u>

5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Kedudukan Hartanah, Loji dan Peralatan pada 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

	Kos			
	1 Januari 2022	Tambahan	Pelupusan	31 Disember 2022
	RM	RM	RM	RM
Lengkapan Pejabat	70,063	47,360	-	117,423
Kenderaan	126,000	-	-	126,000
Perabot dan Alat Penghawa Dingin	44,300	12,000	-	56,300
Komputer dan Perkakasan ICT	568,554	-	-	568,554
Bangunan (Kabin)	13,900	9,200	-	23,100
	822,817	68,560	-	891,377

	Susut Nilai Terkumpul			
	1 Januari 2022	Tambahan	Pelupusan	31 Disember 2022
	RM	RM	RM	RM
Lengkapan Pejabat	30,385	18,538	-	48,923
Kenderaan	102,600	15,600	-	118,200
Perabot dan Alat Penghawa Dingin	19,635	9,260	-	28,895
Komputer dan Perkakasan ICT	214,336	113,673	-	328,009
Bangunan (Kabin)	1,853	832	-	2,685
	368,809	157,903	-	526,712

Kedudukan Hartanah, Loji dan Peralatan pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

	Kos			
	1 Januari 2021	Tambahan	Pelupusan	31 Disember 2021
	RM	RM	RM	RM
	<i>(Seperti Dinyatakan Semula)</i>			
Lengkapan Pejabat	70,063	-	-	70,063
Kenderaan	126,000	-	-	126,000
Perabot dan Alat Penghawa Dingin	38,600	5,700	-	44,300
Komputer dan Perkakasan ICT	262,964	305,590	-	568,554
Bangunan (Kabin)	13,900	-	-	13,900
	511,527	311,290	-	822,817

5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (Sambungan)

	Susut Nilai Terkumpul			31 Disember 2021
	1 Januari 2021	Tambahan	Pelupusan	
	RM	RM	RM	RM
	<i>(Seperti Dinyatakan Semula)</i>			
Lengkapan Pejabat	17,066	13,319	-	30,385
Kenderaan	87,000	15,600	-	102,600
Perabot dan Alat Penghawa Dingin	11,060	8,575	-	19,635
Komputer dan Perkakasan ICT	116,400	97,936	-	214,336
Bangunan (Kabin)	1,297	556	-	1,853
	232,823	135,986	-	368,809

	Nilai Dibawa	
	2022	2021
	RM	RM
Lengkapan Pejabat	68,500	39,678
Kenderaan	7,800	23,400
Perabot dan Alat Penghawa Dingin	27,405	24,665
Komputer dan Perkakasan ICT	240,545	354,218
Bangunan (Kabin)	20,415	12,047
Jumlah Hartanah, Loji Dan Peralatan	364,665	454,008

6. ASET TAK KETARA

	2022	2021
	RM	RM
Kos		
Baki pada awal tahun	1,008,010	885,460
Tambahan dalam tahun	-	122,550
Baki pada akhir tahun	1,008,010	1,008,010
Pelunasan terkumpul		
Baki pada awal tahun	564,571	353,562
- Seperti yang dinyatakan terdahulu		
Pelarasn tahun lalu	-	(44,412)
Baki pada awal tahun	564,571	309,150
- Seperti yang dinyatakan semula		
Tambahan dalam tahun	236,004	255,421
Baki pada akhir tahun	800,575	564,571
Nilai dibawa	207,435	443,439

7. AKAUN BELUM BAYAR**i) Akaun Belum Bayar daripada Urus Niaga Pertukaran**

Kedudukan Akaun Belum Bayar adalah seperti berikut:

	2022	2021
	RM	RM
		<i>(Seperti Dinyatakan Semula)</i>
Pelbagai Akaun Belum Bayar	644,819	452,754
Jumlah Akaun Belum Bayar	644,819	452,754
	<hr/>	<hr/>
Jumlah	644,819	452,754

8. PERUNTUKAN MANFAAT PEKERJA

	2022	2021
	RM	RM
Baki pada 1 Januari	18,856	-
Penambahan	21,095	18,856
Penggunaan	-	-
Baki pada 31 Disember	39,951	18,856

HASIL

Perincian Hasil MPM adalah seperti berikut:

Hasil Daripada Urusniaga Pertukaran

	2022	2021
	RM	RM
9. Lesen, Terimaan Pendaftaran Dan Permit		
Bayaran Fi Permohonan Pendaftaran Sementara	399,200	376,700
Bayaran Fi Permohonan Pendaftaran Penuh	712,700	1,064,250
Bayaran Fi Sijil Perakuan Amalan Tahunan (APC)	7,302,200	7,002,200
Bayaran Fi Sijil Perakuan Amalan Sementara	160,500	86,345
Bayaran Fi Permohonan Pendaftaran Semula Nama	100	-
Bayaran Fi Permohonan Pembatalan Syarat untuk Pendaftaran	2,000	57,000
Bayaran Fi Permohonan untuk Pendaftaran Pakar	1,917,537	2,850,760
Bayaran Fi Permohonan Pendaftaran Pakar Tambahan	104,990	26,500
Bayaran Fi Yuran Pendaftaran Peperiksaan Untuk Pendaftaran Sementara	46,000	68,000
Bayaran Fi Yuran Pendaftaran Peperiksaan Untuk Pendaftaran Sementara (Teori)	162,000	225,000
	10,807,227	11,756,755
	2022	2021
	RM	RM
10. Pendapatan Perkhidmatan		
Bayaran Carian dan Pengesahan Data dan Maklumat	17,175	10,125
Bayaran Permohonan Bagi Pengeluaran Sijil Amalan Baik (LOGS)	525,500	434,500
Bayaran bagi Permohonan Terjemahan Perakuan Sijil	138,350	112,075
Bayaran bagi Salinan Dokumen atau Sijil	117,600	67,800
Caj Bayaran Penghantaran Dokumen Melalui Perkhidmatan Pos	3,320	7,040
Caj Bayaran Bagi Maklum Balas Melalui Faks	-	5
Caj Bayaran Bagi Pindaan Dokumen / Sijil	531,500	393,850
Caj Perkhidmatan Bagi Memeriksa Semula Keputusan Peperiksaan EPR	600	-
Caj Tambahan Tempat Amalan APC	8,000	8,700
Bayaran Permohonan Kelonggaran Khidmat Wajib	24,600	74,800
	1,366,645	1,108,895
	2022	2021
		<i>(Seperti Dinyatakan Semula)</i>
11. Faedah dan Perolehan dari Pelaburan	RM	RM
Faedah Akaun Semasa	17,027	10,141
Faedah Simpanan Tetap	389,722	352,292
	406,749	362,433

	2022	2021
	RM	RM
12. Pendapatan Lain		
Pelbagai Lain-Lain Pendapatan MMC	22,757	120,227
	22,757	120,227
Jumlah Terimaan Urusniaga Pertukaran	12,603,378	13,348,310
Hasil Daripada Urusniaga Bukan Pertukaran		
	2022	2021
	RM	RM
13. Denda dan Hukuman		
Denda Lewat Bayar Yuran Fi Sijil Amalan Tahunan	886,300	1,034,700
Denda Notis Berhenti Kerja Kakitangan MMC	-	4,671
Pendapatan Dari Kemenangan Kes di Mahkamah	-	52,064
	886,300	1,091,435
14. Geran Kerajaan		
Geran Mengurus Kerajaan	2,000,000	1,000,000
Jumlah Terimaan Geran	2,000,000	1,000,000

15. GAJI, UPAHAN DAN MANFAAT PEKERJA

Perbelanjaan ini adalah merujuk kepada bayaran kepada kakitangan yang memegang jawatan tetap dan Anggota Pentadbiran Majlis Perubatan Malaysia sebagaimana yang ditetapkan dalam pekeliling yang berkuatkuasa. Gaji Dan Upahan, Elaun Dan Imbuhan Tetap, Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan diiktiraf dalam tempoh pada masa perkhidmatan kakitangan tersebut diterima dan diukur pada kos urus niaga. Manfaat Pekerja yang dilaporkan adalah bayaran kepada kakitangan termasuk Pencen, Ganjaran dan Gantian Cuti Rehat.

Perincian perbelanjaan Gaji, Upahan dan Manfaat Pekerja adalah seperti berikut:

	2022	2021
	RM	RM
Gaji Dan Upahan	1,865,672	1,672,453
Tunggakan Gaji Pokok	101,367	22,770
Tunggakan Kenaikan Gaji Tahunan	7,670	7,290
Tunggakan Elaun dan Bayaran Pindah Rumah	13,696	28,210
Elaun Dan Imbuhan Tetap	797,544	800,805
Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan	326,668	296,850
Elaun Lebih Masa	22,639	11,480
Bayaran Imbuhan Tahunan Dan Bantuan Kewangan	90,310	63,610
Gantian Cuti Rehat	46,417	27,367
Jumlah Gaji, Upahan Dan Manfaat Pekerja	3,271,983	2,930,835

16. PERKHIDMATAN DAN BEKALAN

Semua perbelanjaan bagi Perkhidmatan Dan Bekalan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh apabila barangan dan perkhidmatan telah digunakan kecuali untuk sewaan dan bekalan bahan mentah. Sewaan diiktiraf sebagai perbelanjaan mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh penyewaan. Bekalan bahan mentah atau alat ganti diiktiraf sebagai perbelanjaan atau dipermodalkan sebagai inventori bergantung kepada tujuan penggunaan bekalan tersebut. Perincian perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan adalah seperti berikut:

	2022	2021
	RM	RM
		<i>(Seperti Dinyatakan Semula)</i>
Perjalanan Dan Sara Hidup	353,902	71,078
Pengangkutan Barang-Barang	6,760	2,805
Perhubungan Dan Utiliti	144,236	56,976
Sewaan	108,451	124,531
Bekalan Dan Bahan-Bahan Lain	181,631	123,876
Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kecil Yang Dibeli	47,683	21,748
Perkhidmatan Ikhtisas Dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli Dan Hospitaliti	3,701,528	2,937,565
Jumlah Perkhidmatan Dan Bekalan	4,544,191	3,338,579

17. PERBELANJAAN LAIN**i) Perbelanjaan Lain**

Perbelanjaan Lain adalah termasuk perbelanjaan Hapus Kira yang diluluskan berdasarkan tatacara hapus kira yang telah ditetapkan.

Perincian Perbelanjaan Lain adalah seperti berikut:

	2022	2021
	RM	RM
Pulangan Balik Dan Hapus Kira	48,980	92,449
Kos Pemilihan Ahli Majlis	284,572	205,417
Bayaran Lain	701,423	184,367
Jumlah Perbelanjaan Lain	1,034,975	482,233

18. SUSUT NILAI DAN PELUNASAN**Susut Nilai dan Pelunasan**

Perakaunan perbelanjaan Susut Nilai adalah berdasarkan kadar yang telah ditetapkan oleh polisi perakaunan bagi setiap kelas aset.

Perincian perbelanjaan Susut Nilai dan Pelunasan bagi tahun berakhir adalah seperti berikut:

	2022	2021
	RM	RM
Susut Nilai Hartanah, Loji Dan Peralatan	157,903	135,986
Pelunasan Aset Tak Ketara	236,004	255,421
Jumlah Susut Nilai dan Pelunasan	393,907	391,407

19. CUKAI

Peruntukan Cukai Tahun Semasa

	2022	2021
	RM	RM
		<i>(Seperti Dinyatakan Semula)</i>
	454,000	369,422

Perbezaan yang ketara di antara perbelanjaan cukai dan lebihan perakaunan didarab dengan kadar cukai berkanun adalah disediakan oleh kesan cukai yang timbul daripada perkara berikut:

	2022	2021
	RM	RM
Lebihan sebelum cukai	6,244,622	8,296,691
Kadar cukai berkanun 28% (2021: 28%)	1,748,494	2,323,073
Perbezaan pada kadar cukai	(42,550)	(42,550)
Pendapatan tidak dikenakan cukai	(3,840,560)	(3,911,157)
Perbelanjaan tidak dibenarkan untuk penolakan cukai	2,588,616	2,000,055
	454,000	369,422

20. Nota Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar

Bajet MPM telah diluluskan dan dibentangkan atas asas tunai bagi tempoh kewangan dari 01 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022. Bajet tahun 2022 telah diluluskan melalui Mesyuarat Ahli Majlis Perubatan Malaysia yang mana sebanyak RM2,000,000 perbelanjaan emolumen akan ditampung menerusi geran kerajaan manakala perbelanjaan lain perlu dibiayai menerusi sumber dalaman agensi.

Bajet dan penyata kewangan MPM disediakan dengan menggunakan asas yang berlainan daripada penyata kewangan. Penyata kewangan disediakan pada asas akruan menggunakan klasifikasi berdasarkan jenis perbelanjaan di dalam penyata prestasi kewangan, manakala bajet disediakan pada asas tunai. Jumlah dalam penyata kewangan ini telah disusun semula dari asas akru kepada asas tunai dan dikelaskan semula dengan pembentangan berada pada asas yang sama sepertimana bajet yang telah diluluskan. Perbandingan jumlah bajet dan sebenar, yang disediakan secara perbandingan dengan bajet yang diluluskan, kemudiannya dibentangkan di dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar. Selain perbezaan asas ini, pelarasan kepada jumlah dalam penyata kewangan juga dibuat untuk perbezaan dalam format dan klasifikasi yang diterima pakai bagi pembentangan penyata kewangan dan bajet yang diluluskan.

Perbezaan masa wujud apabila tempoh bajet disediakan berbeza daripada tempoh kewangan penyata kewangan ini disediakan.

Perbezaan entiti wujud apabila bajet tidak mengambilkira program-program atau aktiviti-aktiviti yang tidak direkodkan di dalam penyata kewangan ini.

Pelarasan antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar dan jumlah sebenar dalam penyata aliran tunai bagi tahun kewangan semasa adalah seperti di bawah:

	Operasi RM	Pelaburan RM	Jumlah RM
Jumlah sebenar seperti di dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar	(8,853,397)	(68,560)	(8,921,957)
Perbezaan asas	15,289,097	293,590	15,582,687
Jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai	6,435,700	225,030	6,660,730

21. LIABILITI LUAR JANGKA

Terdapat satu (1) kes saman yang melibatkan MPM dengan pihak Institut Pengajian Tinggi Swasta atas nama Lincoln University College (LUC) yang masih dalam proses perbicaraan. Dibawah adalah butirannya:

Pihak - pihak yang terlibat:

1. Majlis Perubatan Malaysia (MPM) adalah sebuah badan berkanun di bawah Akta Perubatan 1971.
2. Asia Pacific Higher Learning Sdn Bhd adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 dan adalah pemilik berdaftar dan pemegang berlesen institusi pengajian tinggi swasta atas nama LINCOLN UNIVERSITY COLLEGE (LUC) di bawah Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta 1996. MPM telah disaman oleh LUC pada tahun 2014.

Latar Belakang:

Dari tahun 2010 sehingga 2013, LUC telah memohon untuk penilaian program-program perubatan mereka, iaitu program "Doctor of Medicine (MD)" dengan 3 universiti di Ukraine iaitu Danylo-Halytsky Lviv National Medical University, Ivano- Frakivsk National Medical University dan Horbochevsky Ternopil State Medical University.

Berikutan lawatan penilaian tersebut, pada 6 Disember 2010 MPM telah menghantar kepada LUC satu surat kelulusan program pengajian perubatan peringkat sarjana muda secara twinning dengan 3 institusi yang tersebut di atas. Pada 22 April 2011, surat kedua yang meluluskan Program Ijazah Asas Perubatan Kolej Universiti Lincoln secara offshore di tiga institusi tersebut telah dihantar kepada LUC. Walaubagaimanapun, MPM pada mesyuarat bertarikh 10.10.2013, membuat keputusan agar program yang tersebut di atas wajar ditamatkan. Disebabkan keputusan yang bertentangan ini, LUC (pihak yang tidak berpuas hati) telah memfailkan 2 saman sivil dan satu semakan kehakiman.

Kes - kes saman

1. Semakan kehakiman adalah untuk mengkaji semula /*challenge* keputusan yang dibuat oleh MPM. Keputusan semakan kehakiman tersebut memihak kepada LUC.
2. Saman Sivil yang pertama adalah satu tuntutan ke atas MPM, terhadap lawatan kedua panel penilaian antara 29.4.2013 sehingga 30.4.2013 yang dilaksanakan dengan kecuaihan oleh MPM dan/atau menyalahi tanggungjawab statutori MPM dan/atau terdapat "*negligence, breach of statutory duty & misfeasance in public office in respect of the medical programmes conducted by LUC*" yang melibatkan Defendan Kedua, ahli MPM, selaku pengerusi panel penilaian tersebut.

Keputusan Terkini : Majlis dalam mesyuarat ke-427 telah memutuskan untuk meneruskan semakan terhadap keputusan Mahkamah Persekutuan di bawah Peraturan 137 Kaedah Kaedah Mahkamah Persekutuan 1995.

22. ANGKA-ANGKA BANDINGAN

Sebahagian daripada angka-angka bandingan telah diubahsuai bagi mengambilkira kesan klasifikasi semula serta pelarasan tahun lalu beberapa akaun yang telah tersalah nyata. Kesan klasifikasi semula serta pelarasan tahun lalu ke atas penyata kewangan MPM adalah seperti berikut:

	Seperti Dinyatakan Terdahulu RM	Klasifikasi Semula RM (Nota a)	Pelarasan Tahun Lalu RM (Nota b)	Seperti Dinyatakan Semula RM
Pada 1 Januari 2021				
<i>Kesan ke atas Penyata Kedudukan Kewangan</i>				
Wang Tunai di Tangan dan Bank	6,334,222	(6,334,222)	-	-
Simpanan Tetap	17,249,239	(17,249,239)	-	-
Tunai dan Kesetaraan Tunai	-	23,583,461	102,304	23,685,765
Akaun Belum Terima	32,842	-	32,199	65,041
Pelbagai Deposit	2,600	-	(1,000)	1,600
Hartanah, Loji Dan Peralatan	797,782	(531,899)	12,820	278,703
Aset Tak Ketara	-	531,899	44,412	576,311
Akaun Belum Bayar	171,604	-	379,639	551,243
Peruntukan Cukai	-	-	641,432	641,432
Kumpulan Wang Majlis Perubatan Malaysia	<u>24,245,081</u>	<u>-</u>	<u>(830,336)</u>	<u>23,414,745</u>
Pada 31 Disember 2021				
<i>Kesan ke atas Penyata Kedudukan Kewangan</i>				
Wang Tunai di Tangan dan Bank	14,245,403	(14,245,403)	-	-
Simpanan Tetap	17,534,552	(17,534,552)	-	-
Tunai dan Kesetaraan Tunai	-	31,779,955	90,648	31,870,603
Akaun Belum Terima	22,656	-	32,172	54,828
Akaun Belum Bayar	1,535,886	-	(1,083,132)	452,754
Peruntukan Cukai	-	-	1,010,854	1,010,854
Kumpulan Wang Majlis Perubatan Malaysia	<u>31,146,916</u>	<u>-</u>	<u>195,098</u>	<u>31,342,014</u>
<i>Kesan ke atas Penyata Prestasi Kewangan</i>				
Faedah dan Perolehan dari Pelaburan	389,142	-	(26,709)	362,433
Gaji, Upahan dan Manfaat Pekerja	2,903,468	27,367	-	2,930,835
Perkhidmatan dan Bekalan	4,639,104	(27,367)	(1,273,158)	3,338,579
Cukai	-	-	369,422	369,422
<i>Kesan ke atas Penyata Aliran Tunai</i>				
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Operasi	8,254,012	-	(12,820)	8,241,192
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pelaburan	<u>(57,518)</u>	<u>-</u>	<u>1,164</u>	<u>(56,354)</u>

22. ANGKA-ANGKA BANDINGAN (Sambungan)Nota a

Klasifikasi semula dibuat bagi mengambilkira persembahan penyata kewangan tahun kewangan semasa.

Nota b

i) Di dalam tahun kewangan sebelum, MPM telah terlebih nyata merekodkan belanja perkhidmatan pengurusannya berjumlah RM1,273,158 yang merangkumi belanja perkhidmatan tahun kewangan 2023, tahun kewangan 2022 dan tahun kewangan 2020 masing-masing sebanyak RM361,044, RM722,088 dan RM190,026. Pelarasan yang sewajarnya telah dibuat di dalam tahun kewangan semasa bagi memberikan gambaran benar dan saksama ke atas baki akaun dan kelas transaksi yang terlibat.

ii) Di dalam tahun kewangan sebelum, faedah diterima daripada simpanan tetap berjumlah RM26,709 tidak direkodkan di dalam tahun kewangan yang betul di mana ia merangkumi faedah diterima bagi tahun kewangan 2021 dan tahun kewangan 2020 masing-masing sebanyak RM122,820 dan RM149,529. Pelarasan yang sewajarnya telah dibuat di dalam tahun kewangan semasa bagi memberikan gambaran benar dan saksama ke atas baki akaun dan kelas transaksi yang terlibat.

iii) Di dalam tahun kewangan sebelum, MPM tidak membuat peruntukan cukai ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai berjumlah RM1,010,854 yang merangkumi dari tahun kewangan 2018 sehingga tahun kewangan 2021. Pelarasan yang sewajarnya telah dibuat di dalam tahun kewangan semasa bagi memberikan gambaran benar dan saksama ke atas baki akaun dan kelas transaksi yang terlibat.

iv) Di dalam tahun kewangan sebelum, MPM telah membuat pelarasan tahun lalu berjumlah RM148,407. Pelarasan tahun lalu tersebut adalah merupakan transaksi yang melibatkan tahun kewangan 2020. Walau bagaimanapun, tiada pelarasan yang dibuat pada angka-angka bandingan. Oleh itu, pelarasan yang sewajarnya telah dibuat di dalam tahun kewangan semasa bagi memberikan gambaran benar dan saksama ke atas baki akaun dan kelas transaksi yang terlibat.

23. KAKITANGAN PENGURUSAN UTAMA

Kakitangan pengurusan utama adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab dalam perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti MPM samada secara langsung dan tidak langsung. Kakitangan pengurusan utama adalah terdiri daripada ahli majlis MPM.

	2022	2021
	RM	RM
Jumlah Bayaran Kakitangan Pengurusan Utama	<u>250,350</u>	<u>163,350</u>
Jumlah Kakitangan Pengurusan Utama	<u>33</u>	<u>33</u>

24. INSTRUMEN KEWANGAN

24.1 Objektif dan Dasar Pengurusan Risiko Kewangan

Dasar pengurusan risiko kewangan MPM bertujuan untuk memastikan bahawa terdapatnya sumber kewangan yang mencukupi untuk menguruskan risiko kredit, risiko kadar faedah dan risiko kecairan. MPM beroperasi di bawah garis panduan yang telah ditetapkan dengan jelas yang diluluskan oleh MPM dan dasar MPM adalah untuk tidak melibatkan MPM dalam urusan niaga spekulatif.

24.2 Risiko Kredit

Risiko kredit atau risiko pihak ketiga gagal membayar, dikawal dengan tatacara kelulusan kredit, had dan pengawasan yang ketat. Risiko kredit diminimumkan dengan menghadkan kerjasama MPM dengan rakan perniagaan yang mempunyai kepercayaan kredit yang tinggi. Belum terima dipantau secara berterusan melalui tatacara pelaporan pengurusan MPM.

MPM tidak mempunyai pendedahan yang besar terhadap mana-mana pelanggan individu atau pihak ketiga mahupun sebarang penumpuan besar bagi risiko kredit yang berkaitan dengan sebarang instrumen kewangan selain yang dinyatakan secara berasingan di dalam nota yang berkaitan.

Belum Terima

Pendedahan maksimum MPM terhadap risiko kredit diwakili oleh nilai dibawa bagi setiap aset kewangan dalam penyata kedudukan kewangan. MPM tidak mempunyai tumpuan risiko kredit yang ketara.

Tunai dan Kesetaraan Tunai Serta Pelaburan

MPM menghadkan pendedahannya kepada risiko kredit dengan melabur tunai dan kesetaraan tunai dengan hanya institusi kewangan yang bereputasi baik yang mempunyai penarafan kredit yang kukuh dan dalam garis panduan tertentu yang ditetapkan selaras dengan dasar pelaburan yang diluluskan. Oleh itu, MPM tidak menganggap terdapat sebarang pendedahan yang ketara kepada risiko kredit.

24.3 Risiko Kadar Faedah

Risiko kadar faedah adalah risiko perubahan kadar faedah, yang mempengaruhi pendapatan MPM atau nilai pegangan instrumen kewangannya. Objektif pengurusan risiko kadar faedah adalah untuk mengurus dan mengawal pendedahan risiko kadar faedah dalam parameter yang boleh diterima, sambil mengoptimumkan pulangan atas risiko. Kadar faedah purata wajaran instrumen-instrumen kewangan MPM pada 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

	2022	2021
	RM	RM
<i>Instrumen kadar faedah tetap</i>		
<i>Aset kewangan</i>		
Simpanan Tetap Dengan Bank Berlesen	<u>26,728,861</u>	<u>17,625,200</u>

Analisis kepekaan kadar faedah tetap

MPM tidak mengkategorikan sebarang aset kewangan yang mempunyai kadar faedah tetap pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan. Oleh itu, tiada kesan kadar faedah ke atas penyata prestasi kewangan.

24. INSTRUMEN KEWANGAN (Sambungan)**Risiko Kecairan**

Risiko kecairan adalah risiko bahawa MPM akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi kewajipan kewangan oleh kerana kekurangan dana. Pendedahan MPM kepada risiko kecairan wujud daripada perbezaan dalam kematangan liabiliti kewangan. Jadual di bawah menunjukkan profil kematangan liabiliti MPM pada tarikh laporan berdasarkan obligasi pembayaran semula tanpa diskaun kontrak.

	Dalam Tempoh Setahun RM	Lebih Tempoh Setahun RM	Jumlah RM
Pada 31 Disember 2022			
Akaun Belum Bayar	644,819	-	644,819
Pada 31 Disember 2021			
Akaun Belum Bayar	452,754	-	452,754

MPM mengurus risiko kecairan dan aliran tunai dengan memastikan tunai yang mencukupi dan menyediakan dana yang cukup bagi memenuhi komitmen daripada perbelanjaan operasi dan liabiliti kewangan.

Pengurusan Risiko Modal

Objektif utama pengurusan risiko modal MPM adalah untuk memastikan terdapat tunai yang mencukupi bagi menyokong keperluan pembiayaan MPM termasuk perbelanjaan modal serta memastikan bahawa MPM kekal kukuh dari segi kewangan. MPM sentiasa memantau aliran tunainya bagi memastikan setiap komitmen MPM dapat dipenuhi apabila sampai masanya.

Nilai Saksama

Nilai saksama aset dan liabiliti kewangan adalah amaun di mana instrumen itu boleh ditukar dalam urusan niaga semasa antara pihak yang berminat, selain daripada penjualan paksa atau pembubaran. Nilai saksama aset kewangan dan liabiliti kewangan menyamai nilai dibawahnya kerana ia mempunyai tempoh matang yang pendek.



MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA (MPM)
Blok B, Aras Bawah, Jalan Cenderasari,
50590 Kuala Lumpur.
Tel: 03-2691 2171